



Selasa, 08 Mei 2007

Laman Utama

Redaksi

Siapa Kami?

Hubungi Kami



• Nasional • Dunia • Ekonomi • Sukan • Citra • Hip • Agama • Komputer • Dimensi • Rencana • Surat • Diagnosis • Skuad • Pendidikan • Sastera • Destinasi • Hias Laman • Dekor • Edisi Utara • Edisi Timur • Edisi Sentral • Edisi Johor • Edisi Sabah&Sarawak • Bintang Popular • Ikon • EpG • Gawang • Joran • Web Sekolah • RSS Feed •

WAKTU SOLAT

Waktu solat bagi kawasan
Kuala Lumpur...

SUBUH	5:42
ZUHUR	13:11
ASAR	16:32
MAGHRIB	19:18
ISYAK	20:30

Waktu solat kawasan lain...

Ekonomi

CIMB Wealth lancar 3 produk baru

Oleh Shahrizan Salian

Siri Perlindungan Kekayaan disasar tingkatkan jualan unit dana amanah

PROMOSI

- ▶ Berita Harian dan Harian Metro - Versi PDA
- ▶ Berita Harian - Versi Digital
- ▶ NSTP Classifieds - tempah iklan di akhbar
- ▶ Arkib Berita semenjak 1991

BURSA MALAYSIA

08 May 2007

KL Composite Index



Date: 08/05/07 Last Updated:08:42

CI	: 1364.07	↑ 0.67
2B	: 104.21	↑ 0.07
FBM100	: 8943.47	↑ 27.31
FBM30	: 8653.80	↑ 45.59
FBM70	: 9907.70	↓ 11.19
FBM-SCAP	: 10734.82	↑ 27.89
FBM-EMAS	: 9152.49	↑ 31.49
FBM-	: 8734.76	↑ 12.42

Maklumat Penuh...

KLIK KHAS

CIMB Wealth Advisors Bhd, syarikat pengurusan dana amanah Kumpulan CIMB, mensasarkan jualan tiga bilion unit dana amanah baru menjelang hujung tahun ini.

Ketua Eksekutifnya, Tan Beng Wah, berkata sasaran jualan berkenaan dijangka menyumbang premium kira-kira RM5 juta.

“Tahun ini, kami akan menumpukan produk berasaskan perlindungan sebagai pelengkap kepada unit amanah sedia ada,” katanya selepas pelancaran tiga produk insurans di bawah Siri Perlindungan Kekayaan di Kuala Lumpur, semalam.

Ketiga-tiga produk berkenaan iaitu Perlindungan Kekayaan Premier, Perlindungan Kekayaan Perdana (produk takaful) dan Perlindungan Kekayaan Senior dilancarkan Ketua Eksekutif Kumpulan CIMB, Datuk Nazir Razak.

Tan berkata, selain produk berasaskan perlindungan, syarikat turut menumpukan usaha untuk membangunkan pakej penyelesaian pelaburan, instrumen kewangan dan perkhidmatan sedia ada yang ditawarkan Kumpulan CIMB.

“Kami menyedari terdapat potensi pasaran yang besar tetapi persaingan yang sengit memerlukan syarikat hanya menawarkan produk yang dapat memberi nilai tambah kepada pelanggan,” katanya.

Tan menjelaskan, ketiga-tiga produk insurans terbaru itu



Hant

Form

Artike

- [
- M
- F
- [
- M
- F
- F
- k
- S
- F
- M
- k
- C
- S
- T
- U
- C
- k
- T
- F
- M

- ▶ Bajet2006
- ▶ Sumber Terbuka
- ▶ Galeri Video
- ▶ Galeri Seminggu
- ▶ Perhimpunan Agung UMNO
- ▶ Senarai Kabinet 2006
- ▶ Terima Kasih Dr Mahathir

TANYA DOKTOR

- ?? Kesihatan Anak: CPR bantu salur oksigen ke otak
- ?? Anda tanya doktor jawab: Kaedah epidural beri kesan minimum
- ?? Anda Tanya Doktor Jawab: Penghidap bicornuate uterus boleh mengandung

Emel Doktor:

tanyadoktor@bharian.com.my

PAUTAN LAIN

NSTP
e-media
Harian Metro
New Straits Times
Malay Mail
Klik DBP
Berita Sawit



melengkapkan portfolio produk perlindungan yang ditawarkan syarikat.

“Dengan pelancaran produk insurans dan takaful ini, syarikat sudah melengkapkan portfolio produk berasaskan perlindungan selepas kami menawarkan perkhidmatan pewarisan akaun dana amanah melalui Khidmat Penamaan Amanah CIMB, awal tahun ini,” katanya.

Ketiga-tiga produk terbaru berkenaan ditaja jamin unit insurans Kumpulan CIMB iaitu Commerce Life Assurance Bhd dan Commerce Takaful Bhd.

Beliau berkata, ketiga-tiga produk perlindungan itu akan diedarkan menerusi 380 ejen berlesen CIMB Wealth Advisors yang baru ditauliahkan.

“Syarikat menjangkakan jumlah ejen meningkat kepada 800 orang menjelang hujung tahun ini,” katanya.

Tan berkata, ketika ini operasi CIMB Wealth Advisors disokong kira-kira 4,400 ejen pemasaran, termasuk perancang kewangan yang beroperasi di 35 cawangan di seluruh negara.

Katanya, bilangan ejen pemasaran berkenaan diunjurkan meningkat antara 10 hingga 20 peratus setiap tahun.

“Pada masa depan, syarikat juga merancang memperkenalkan empat produk perlindungan yang meliputi kos yuran pembedahan, kemalangan jalan raya, penyakit kritikal dan rawatan hospital,” katanya.

Sementara itu, Nazir berkata, tahun ini Kumpulan CIMB akan menumpukan usaha mengembangkan operasinya di rantau Asia Tenggara, khususnya Indonesia dan Singapura.

“Kami akan menubuhkan sebuah cawangan di Singapura tahun ini, manakala kerjasama Kumpulan CIMB dengan Bank Niaga di Indonesia akan diperkukuhkan,” katanya.

Hadir sama pada majlis pelancaran itu, Ketua Bahagian Insurans Kumpulan CIMB, Peter Miller.



Iklan Teks

- RAHSIA USAHAWAN SST MEMBINA RANGKAIAN *Baru!*
- CNIBiz Pelan Pemasaran ONLINE Terkini *Baru!*
- "MENGAPA BAYAR LEBIH, HANYA RM20" *Baru!*
- RAHSIA BIL TNB BOCOR! *Baru!*
- Bisnes Prabayar MASSYUUK!! Daftar PERCUMA!! *Baru!*
- MINYAK MUJARAB MERAWAT RESDUNG *Baru!*
- 5GB Hosting Hanya RM130 - DATAKL.COM *Baru!*
- RM125000 Wang RAKYAT Untuk Anda *Baru!*
- Rahsia Jutawan Mobile Commerce 2010